



**WAKAF  
KOLEJ KEDIAMAN  
MAWADDAH**



(<http://mygift.ump.edu.my/index.php/ms/wakaf-kolej-kediaman>)



EXPERTS (/EXPERTS)

## Kejuruteraan Perniagaan Jerman Kini Di Malaysia

3 September 2019 / 0 Comments (/experts/kejuruteraan-perniagaan-jerman-kini-di-malaysia/#comments)

Kejuruteraan Perniagaan merupakan satu cabang baru dalam bidang perniagaan yang ditawarkan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Graduan daripada bidang ini bakal menjadi pemimpin dalam bidang kejuruteraan perniagaan melalui integrasi pengetahuan dan kemahiran kejuruteraan perniagaan dalam menginovasi amalan perniagaan. Mereka juga boleh menjadi pakar dalam bidang logistik, rantai bekalan dan pengeluaran.

Program Kejuruteraan Perniagaan ini ditawarkan di Fakulti Pengurusan Industri (FIM), UMP adalah program kerjasama dengan ESB Business School, Reutlingen University (HsRT), Jerman. Program yang ditawarkan ini juga adalah program premium di UMP. Pelajar yang mendaftar dalam program ini akan melengkapkan tahun pertama dan kedua mereka di UMP seterusnya bagi pelajar yang memenuhi kelayakan akademik, termasuk 14 mata ujian bahasa Jerman TestDaF (Test Deutsch als Fremdsprache) akan dibenarkan meneruskan pengajian di tahun ketiga dan keempat di HsRT.

Program seperti ini tidak pernah ditawarkan di mana-mana program perniagaan atau kejuruteraan yang sedia ada di Malaysia. Ini kerana para pelajar perlu mempunyai pemahaman yang unik tentang perniagaan dan kejuruteraan melalui program dwi ijazah. Menariknya, bagi mana-mana pelajar yang berjaya menamatkan dua tahun pengajian di UMP dan dua tahun pengajian di HsRT akan dianugerahkan dua Ijazah, iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan dengan Kepujian oleh UMP dan Ijazah Sarjana Sains Operasi dan Logistik Antarabangsa oleh HsRT.

Program Kejuruteraan Perniagaan ini juga memberi penekanan terhadap gabungan unik asas pengetahuan dalam bidang perniagaan dan kejuruteraan. Program ini juga turut mendapat akreditasi penuh daripada Malaysian Qualifications Agency (MQA) dan The Chartered Institute of Logistics and Transport (CILT), United Kingdom (UK).

MQA turut menjamin kualiti program malah CILT (UK) menyokong perkembangan kerjaya pelajar melalui rangkaian dan akses kepada industri berkaitan logistik dan pengangkutan. Selain itu, pelajar juga turut berpeluang mendapat maklumat terkini mengenai kerjaya melalui khidmat nasihat serta pembangunan profesional seperti bengkel dan latihan.

Dengan sokongan padu dua buah universiti dan badan professional, graduan program ini dapat 2 gulung Ijazah sarjana muda beserta pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh industri pada masa kini dan hadapan. Para pelajar akan dibimbing di peringkat domestik dan antarabangsa malah bakal dinobatkan sebagai graduan yang holistik dan fleksibel yang dikehendaki dalam pasaran.

Untuk membolehkan para pelajar berjaya diserap ke industri dan budaya di Jerman pula, Profesor dari HsRT akan ditugaskan untuk menjadi sebahagian daripada tenaga pengajar di UMP dan kelas Bahasa Jerman juga kebiasaannya akan dijalankan pada setiap hari. Dengan cara ini para pelajar bakal mengasimilasi pengetahuan dalam bidang perniagaan dan kejuruteraan. Ini membolehkan para graduan memperoleh kelebihan dalam persaingan untuk merebut jawatan perniagaan berorientasikan teknikal.

Untuk rekod, program ini telah berjaya melahirkan seramai lapan graduan Jerman dengan dwi ijazah yang mana lima pelajar bergraduasi sempena Majlis Konvokesyen UMP ke-13 manakala tiga orang lagi akan menerima ijazah mereka sempena Majlis Konvokesyen UMP ke-14. UMP juga bakal menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan dengan Kepujian kepada 16 orang graduan Malaysia dan dwi Ijazah yang pertama bagi seorang pelajar UMP iaitu Syakiela Ahmad pada Majlis Konvokesyen ke-14 UMP pada tahun ini.

Apa Kata Mereka?

"Program ini menyediakan satu platform kukuh bagi pelajar yang ingin memperluaskan pengalaman interkultur, rangkaian global dan bahasa Jerman," - Syakiela Ahmad.

"Program ini memberikan suasana pengajaran dan pembelajaran yang sangat kondusif dengan simulasi kilang pembelajaran atau learning factory," - Kai-Uwe Schäfer.

"Para pensyarah di FIM mempunyai kelayakan dalam kelas tersendiri dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang sentiasa interaktif dan menarik. Malah kemudahan infrastruktur dan peralatan yang terdapat di UMP juga canggih dan sesuai seperti kilang pembelajaran," - Nenad Nedeljković.

Andai anda ingin berjaya dan sedia keluar dari zon selesa anda maka, program unik ini menanti anda di UMP.



Disediakan oleh Ts Dr Lee Khai Loon, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Industri UMP.